

<b>Publication</b>	<b>Kosmo!</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Negara / Pg. 6</b>
<b>Date</b>	<b>Fri, 22<sup>nd</sup> Apr 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>Yes</b>
<b>Headline</b>	<b>20 Kementerian Capai Sasaran</b>		

Kerajaan komited laksana KPI PEB bantu lonjak ekonomi bumiputera

# 20 kementerian capai sasaran

Oleh MOHD. TURMADZI MADUN

**P**UTRAJAYA — Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sebanyak 20 daripada 25 kementerian telah mencapai sasaran 100 peratus petunjuk prestasi utama (KPI) Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) bagi tahun 2015.

Beliau berkata, lima lagi kementerian pula telah mencapai 80 peratus KPI yang ditetapkan sekali gus memberi isyarat bahawa ia suatu pencapaian yang membanggakan.

“Sehubungan itu, sebanyak 93 peratus KPI bagi 25 kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri telah ditetapkan pada tahun ini selari dengan strategi dan sasaran hasil yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas di mana ia mempunyai impak lebih tinggi berbanding tahun lalu.

“Ia termasuk mencapai 25 hingga 50.6 peratus nilai kontrak bumiputera pada 2017 berbanding keseluruhan kos projek Menara Warisan Merdeka dan jejambat aliran transit massa (MRT),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas mempergerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera di pejabatnya di sini semalam.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Perdagangan Antara-bangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat, Datuk Ibrahim Ahmad dan Pengerusi SME Corporation Malaysia, Tan Sri Dr. Mohamed Al Amin Abdul Majid.

Tambah Najib, pelaksanaan kesemua KPI PEB itu memberi impak yang bakal melonjakkan ekonomi masyarakat bumiputera sekali gus membantu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Najib kemudian menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian kolaborasi strategik di antara Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera dengan Yayasan PAhang melibatkan kos RM1.2 juta melalui Program Peneraju Profesional Aktauntan Muda.



NAJIB (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada peserta Program Peneraju Profesional Aktauntan Muda, Amir Fakhri M. Fadzil (dua dari kanan) sambil diperhatikan Ahmad Zahid (tiga dari kanan) dan Abdul Wahid (kanan) di Putrajaya semalam.